



Seorang penduduk **mmengutip sampah dalam air banjir yang melanda** rumahnya di Kampung Baru Hicom. [FOTO HAMID KARIM/BH]

Penduduk trauma bah belum surut

» **Banjir terburuk dalam 10 tahun**

Oleh Hamid Karim

bhnews@bharian.com.my

■ **Shah Alam**

Lebih 400 penghuni kira-kira 100 rumah di Kampung Baru Hicom, di sini trauma kerana air masih memenuhi rumah mereka selepas 24 jam banjir apabila tebing konkrit berdekatan Sungai Kelang pecah malam kelmarin.

Hingga pagi semalam, agensi kerajaan termasuk bomba, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) masih memantau dan mengawal keadaan kerana ada antara rumah masih dinaiki air

hingga setengah meter.

Penduduk, Mohd Nurul Amri Ismail, 28, berkata banjir itu adalah antara yang terburuk dalam tempoh 10 tahun menyebabkan lebih 1,000 penduduk terjejas dan berpuluh-puluh kenderaan rosak.

Banjir terburuk

Katanya, banjir turut mengakibatkan surau kampung mereka, Surau Hidayatul Islamiah dinaiki air hingga setengah meter manakala beberapa warga tua dan kenderaan ringan seperti motosikal terpaksa dipindahkan sementara ke tempat selamat menggunakan jentera berat dan kenderaan pacuan empat roda.

“Banjir kali ini adalah yang terburuk. Ketika kejadian kami sedang solat Isyak di surau. Kami jangka hanya banjir kilat dan tidak akan masuk ke surau, tetapi jangkaan kami silap.

“Masuk rakaat kedua,

air terus naik dan arus deras menyebabkan kami menghentikan solat kerana bimbang keselamatan jemaah,” katanya.

Berikutan keadaan masih belum pulih, pelbagai pihak termasuk wakil Barisan Nasional (BN) yang diketuai Penyelaras Parlimen Kota Raja, R S Maniam, bersama sekumpulan petugas bergegas ke kampung berkenaan mengagihkan makanan.

Maniam berkata, pihaknya turut membantu mangsa banjir di beberapa kawasan lain yang terjejas sejak malam kelmarin, termasuk di Desa Kemuning, Seksyen 34 membabitkan lebih 200 kediaman.

Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), Eddie Saharudin, berkata warga kampung itu menghargai sumbangan pelbagai pihak berkenaan untuk meringankan beban penduduk.